

CNS2859

U GB 12-11 00180 BA477

aab

Mahathir - Chile

KILANG PERTAMA USAHASAMA MALAYSIA-CHILE DIRASMIKAN

KLANG, 12 Nov (Bernama) -- Malaysia and Chile hari ini mengorak langkah ke arah kerjasama lebih erat dalam bidang perindustrian dengan perasmian kilang usahasama pertama antara kedua-dua negara itu, Kris Safety Footwear Sdn Bhd, di sini hari ini.

Perasmian kilang itu, yang akan menjadi titik permulaan usahasama Chile dan Malaysia di negara ini dan bukti kerjasama Selatan-Selatan, dilakukan bersama Presiden Chile Patricio Aylwin Azocar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kilang kasut keselamatan di Panclamaran, usahasama antara syarikat Beldran Ilharreborde S.A. dari Chile dan syarikat tempatan Landpac Group, adalah hasil daripada lawatan Dr Mahathir ke Chile tahun lepas.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata: "Hari ini, kita menyaksikan hasil daripada seruan Kerajaan untuk mengukuhkan perhubungan Selatan-Selatan dan ini merupakan pelaburan Chile yang pertama bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ASEAN."

Dr Mahathir berkata projek itu penting dan penuh makna walaupun ia bukan merupakan projek yang besar daripada segi pelaburan. -- Lagi.

Mahathir - Chile 2 Klang

"Kadangkala adalah lebih baik untuk memulakan sesuatu itu secara kecilan, dan Kris Safety Footwear adalah satu contoh bagaimana kerjasama perniagaan antarabangsa tidak semestinya terhad kepada syarikat-syarikat yang besar," kata beliau.

Sambil menyatakan rasa gembira beliau dengan usahasama itu, Perdana Menteri berkata pelaksanaan projek itu, yang disifatkannya begitu cepat, harus dipuji.

Kata Dr Mahathir: "Kepada masyarakat perniagaan Chile, saya sukacita sekali lagi menjemput semua untuk mengambil bahagian yang positif dalam perniagaan secara usahasama selaras dengan dasar pembangunan negara Malaysia:

"Kepada usahawan-usahawan Malaysia, saya berharap mereka tidak akan melepaskan peluang keemasan ini untuk berhubungan dengan rakan-rakan mereka dari Chile," tambah beliau.

Perdana Menteri juga menyarankan usahawan tempatan untuk merebut peluang-peluang perniagaan itu bagi menjayakan matlamat Malaysia untuk menjadikannya negara maju menjelang tahun 2020. -- Lagi.

♥12/11/12-43MST

CNS2886

R GB 12-11 00107 BA484

aab

Mahathir - Chile 3 (akhir) Klang

Syarikat itu mengeluarkan kasut-kasut keselamatan herkualiti tinggi untuk dieksport.

Keluarannya untuk seluruh tahun depan telah ditempah untuk eksport ke Eropah dan Amerika Utara sementara pasaran-pasaran masa akan datang tertumpu di rantau Asia Pasifik.

Dr Mahathir memuji strategi pemasaran itu dengan menyifatkannya sebagai "bijak kerana negara-negara membangun sedang menuju ke arah perindustrian dan keperluan untuk kasut keselamatan di sana adalah lebih besar.

Pada majlis itu, Presiden Aylwin dihadiahkan satu set keris, yang menjadi lambang kepahlawanan Melayu, manakala Perdana Menteri pula menerima pelana kuda buatan Chile. -- Bernama.

♥12/11/12-54MST